

CNS1540

R GB 28-07 00173 BA944

aab

Mahathir - Rwanda

PBB BERSALAH DENGAN PEMBUNUHAN DI RWANDA, KATA MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 28 Julai (Bernama) -- Malaysia menyalahkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke atas pembunuhan kira-kira 500,000 orang dalam perang saudara di Rwanda kerana tidak mengambil tindakan untuk menghentikannya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan PBB itu menunjukkan badan dunia itu hanya mengutamakan kepentingan ekonomi pada negara-negara tertentu dan bukannya nyawa manusia.

"Saya anqgap PBB bersalah dalam pembunuhan di Rwanda kerana ia tidak mengambil tindakan dengan segera, tetapi kalau ini terjadi pada negara-negara tertentu, ia akan kerah semua negara lain untuk menghantar askar walaupun bilangan yang terbunuh tidak banyak," katanya.

Dr Mahathir memberitahu demikian kepada pemberita di lapangan terbang di sini sebelum berlepas ke Pulau Langkawi. Sebelum itu, beliau merasmikan Kejohanan Taekwondo Sedunia Ke-9 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Beliau juga mengaqgap PBB sudah tidak berquna laqi sebagai sebuah badan dunia kerana ia tidak boleh mempertahankan negara-negara lemah termasuk tidak bertindak menyelamatkan rakyat Bosnia. -- laqi

♥28/07/13-33ST

R GB 28-07 00168 BA945

aab

Mahathir - Rwanda 2 (akhir) Kuala Terengganu

Menurutnya, PBB bukan setakat tidak mengambil tindakan menyelamatkan Bosnia, malah mengqut menarik balik pasukan perlindungan (UNPROFOR) dari bekas Republik Yugoslavia itu jika Bosnia tidak mahu menerima pelan damai dan membiarkan mereka dibunuh.

"Sebab itu kita rasa amat tidak puas hati dengan (Yasushi) Akashi (wakil PBB di Bosnia) dan (Setiausaha Agung PBB) Boutros Boutros-Ghali kerana tiada langsung rundingan dengan negara-negara lain," tegas beliau.

Dr Matahir turut membidas kelima-lima anqgota Majlis Keselamatan PBB kerana tidak mahu menolong (Bosnia) sama-sekali.

"Kalau ada kepentingan mereka, baru mereka tolong tetapi kalau setakat pembunuhan orang lain, mereka tidak tolong," tambahnya.

Beliau juga ditanya mengenai kedudukan adik Yang Dipertuan Agung, Tengku Abdullah yang baru-baru ini melanqqar larangan kerajaan dengan melawat Israel.

Dr Mahathir berkata, kerajaan biasanya menarik balik pasport mereka yang menyalahqunakannya, tetapi ketika ditanya sama ada pasport Tengku Abdullah sudah ditarik balik beliau menjawab: "Itu saya tidak denqar, barangkali dah". -- Bernama

AL SIA

♥28/07/13-39ST